



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MRSM KUALA KANGSAR

**2 MAC 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 9.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum W.B.T.
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Menghadap,
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan
Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim
Ampun Tuanku beribu ribu ampun, Sembah Patik harap diampun.

Terlebih dahulu patik dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih diatas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudi mencemar duli berangkat ke majlis ini serta memeriah-serikan lagi majlis perasmian Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kangsar pada pagi yang sungguh permai ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku di majlis yang bersejarah ini merupakan manifestasi keprihatinan yang murni Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap perkembangan dunia pendidikan di negeri Perak amnya dan di Daerah Kuala Kangsar khasnya.

lanya juga merupakan simbolik kepada kesinambungan tradisi keperihatinan DiRaja terhadap kesejahteraan dan kemakmuran hamba rakyat di bawah naungan kebesaran Duli Tuanku. Maka tidak hairanlah telah tertanam kejam dan tersemat rapi di lubuk hati hamba rakyat jelata bahawa tuanku adalah ketua pemerintah berjiwa rakyat yang mempunyai keperihatinan yang amat tinggi dalam memastikan pembangunan di seluruh negeri berjalan dengan pesat khususnya dari aspek pendidikan.

Menghadap
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Ibni AlMarhum Raja Muda Musa
dan
Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Raja Nor Mahani binti Raja Shahar Shah;

Menghadap
Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzulkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah
dan
Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan Tunku Soraya binti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Ampun Tuanku Beribu Ampun sembah patik mohon diampun
Patik bagi pihak seluruh warga MARA dan hadirin sekalian, merafak sembah menjunjung kasih diatas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku sudi mencemar duli turut

berangkat mengiringi Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Majlis Perasmian Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kangsar pada pagi yang berbahagia ini.

Ampun Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik mohon limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan tetamu kehormat serta hadirin sekalian.

- i) Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir,
Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan (Datin Seri Tidak hadir)
- ii) Yang Berhormat Dato' Seri Nazri Aziz – Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Padang Rengas.
- iii) Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral (Bersara) Dato Seri DiRaja Tan Sri Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri DiRaja Puan Sri Rasiah Binti Mohd Noor
- iv) Yang Arif Dato' Samsudin Bin Hasan – Hakim Utama Mahkamah Tinggi Ipoh dan Yang Berbahagia Datin Norazizah Binti Abu Bakar
- v) Yang Berhormat Puan Thangasvari Suppiah – Yang DiPertua Dewan Negeri Perak
- vi) Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan - Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Yang Berbahagia Datin Seri Nor Hasmah binti Mohamad
- vii) Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
- viii) Yang Berbahagia Orang Besar-Orang Besar Negeri Perak Darul Ridzuan dan Toh Puan-Toh Puan
- ix) Yang Berbahagia Ahli-Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan dan isteri
- x) Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen.
- xi) Yang Berbahagia Datuk Ibrahim Bin Ahmad - Ketua Pengarah MARA dan YBhg. Datin Nor'Ashikin binti Ambak

- xii) Ketua-ketua Jabatan Negeri Perak dan Persekutuan
- xiii) Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Dif-dif jemputan, wakil-wakil media serta Para hadirin yang dihormati sekalian.

Saya bagi pihak seluruh warga MARA turut mengalu-alukan para hadirin sekalian ke Majlis Perasmian Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kangsar pada pagi yang berbahagia ini.

Ampun Tuanku,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana masih lagi diberikan kesempatan dan peluang untuk sama-sama berhimpun dalam majlis perasmian Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kangsar. Pada hari ini, bukan sahaja patik, rakyat di jajahan Kuala Kangsar ini amat berbangga kerana dapat bersama-sama berkumpul di majlis yang penuh bersejarah ini, malah seluruh warga MRSM Kuala Kangsar pastinya tertunggu-tunggu detik penuh bersejarah ini kerana akan menyaksikan majlis perasmian MRSM Kuala Kangsar oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Tuanku. Patik pasti detik terindah ini akan terpahat utuh dalam jiwa dan sanubari rakyat di Daerah Kuala Kangsar ini khususnya warga MRSM Kuala Kangsar.

2. Patik mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga MRSM Kuala Kangsar kerana telah berjaya merealisasikan satu amanah yang begitu ampuh dan begitu membanggakan ini. Sesungguhnya majlis pada hari ini menjadi satu platform ke arah pembangunan minda dan menjadi saksi kepada kejayaan dalam perkembangan dunia pendidikan MARA.

Ampun Tuanku

3. Izinkan patik menyembah maklum bahawa penubuhan Maktab Rendah Sains MARA Kuala Kangsar, secara tidak langsung menterjemahkan betapa pihak kerajaan sentiasa menitikberatkan sektor pendidikan dengan membuka peluang pendidikan yang berkualiti untuk memastikan generasi yang dilahirkan daripada acuan ini akan mampu bersaing dalam arus pembangunan global masa kini. Patik berdoa agar MRSM akan terus mencatat pencapaian yang cemerlang dan seterusnya mendapat pengiktirafan di peringkat negara dan antarabangsa.

4. Di samping itu model baru Pendidikan MARA telah diubah dengan memberi fokus kepada pembangunan insaniah, sikap dan akhlak seiring dengan ilmu dan kemahiran. Individu yang mempunyai sikap, pemikiran dan jati diri yang tinggi mampu menawan dunia. Untuk menerjah ke peringkat antarabangsa, pelajar-pelajar perlu kepada *global mindset*, kefahaman dan hal tuju kehidupan yang jelas. Anak-anak di luar bandar khususnya, perlu diasuh melalui sistem pendidikan terbaik di Institusi Pendidikan MARA seperti MRSM untuk melahirkan modal insan kelas

pertama yang bertaraf global dan berintegriti demi mendepani cabaran pada masa akan datang.

Ampun Tuanku,

5. Patik juga ingin menyembah maklum bahawa dalam pembangunan modal insan, MARA menekankan keterbezaan dalam melaksanakan program ke arah melahirkan pelajar cemerlang yang holistik. Di MRSM, penekanan diberikan kepada elemen STREAM iaitu Sains, Teknologi, Kerohanian, Kejuruteraan, Kesenian dan Matematik yang dikesan dapat membantu mengembangkan bakat dan potensi pelajar dalam bidang sains, matematik, teknologi dan kejuruteraan selain memiliki kerohanian dan nilai kesenian yang tinggi. Pelbagai program ditawarkan sebagai menambah nilai (*value added*) sistem pendidikan MRSM antaranya ialah dwipensijilan peperiksaan peringkat antarabangsa, iaitu Cambridge International General Certificate of Secondary Education (IGCSE). 13 buah MRSM telahpun menawarkan program ini yang sememangnya dapat memberi pendedahan kepada para pelajar supaya dapat bersaing di peringkat yang lebih tinggi dalam sistem pendidikan bertaraf antarabangsa ini. Seterusnya juga, Program Ulul Albab yang dilaksanakan di 4 buah MRSM diwujudkan untuk melahirkan pelajar cemerlang akademik, dalam masa yang sama turut mampu menghafaz tiga puluh (30) juzuk Al-Quran ketika berada di MRSM. Malah program ini telah berjaya melahirkan 1,138 para hafiz dan hafizah sehingga ke hari ini di mana dalam tempoh dua tahun sahaja, mereka telah berjaya menghafaz dan berkeupayaan mentafsir ayat-ayat suci tersebut dengan baik. MARA mengorak selangkah lagi dengan melaksanakan pelbagai lagi bentuk program di MRSM. Ini termasuklah MRSM Teknikal, MRSM Keusahawanan dan yang terbaru MRSM *Middle Year Program* (MYP). Hal ini demikian kerana MARA melihat MRSM merupakan saluran yang paling sesuai untuk membentuk dan mencorakkan sahsiah dan juga tahap intelek para generasi muda untuk menyahut usaha murni kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada masa akan datang. Tidak dapat disangkal lagi, pelbagai inisiatif telahpun dilaksanakan oleh MARA dalam memastikan anak bangsa kita terus unggul di persada pendidikan global. Sehingga kini, sejak penubuhannya pada tahun 1972, MRSM telah menghasilkan seramai 170,461 orang bekas pelajar MRSM yang berjaya dalam bidang masing-masing sebagai golongan pemimpin, profesional, *meister* dan *potential technopreneur* sepertimana yang digariskan dalam *outcome* MARA.

Ampun Tuanku,

6. Betapa sayangnya MARA kepada Negeri Perak, sebanyak 38 buah Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti MRSM, Kolej Profesional MARA (KPM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Institut Kemahiran MARA (IKM), GiatMARA, Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) telah dibina dan beroperasi. Melalui RMK-11 pula, sebanyak Lima Ratus Sembilan Juta (RM509 juta)

telah diperuntukkan bagi pembangunan projek dan program di negeri Perak. Antaranya ialah pembinaan MRSM Bagan Datuk, pembinaan kampus tetap KPTM Ipoh serta pembinaan semula GiatMARA di Tanjung Malim. Manakala bagi belanja mengurus, peruntukan sebanyak Seratus Enam Puluh Lapan Juta Ringgit (RM168 juta) telah diberikan kepada pusat-pusat MARA di seluruh Negeri Perak bagi tahun 2017. Berbalik kepada MRSM Kuala Kangsar, kos pembinaannya adalah sebanyak RM66 juta di atas tanah berkeluasan 50 ekar dan siap sepenuhnya pada tahun 2015. Sehingga hari ini, bilangan pelajar adalah sebanyak 725 orang.

7. Selari dengan agenda transformasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah di mana MARA adalah agensi di bawahnya, di mana *taglinenye* adalah “Membandarkan Luar Bandar”, menjadikan MARA sebuah agensi yang penting dalam menggalas amanah dan memastikan komuniti di segenap pelosok negeri tidak terlepas dalam arus kemodenan yang telah kita kecapai. Secara tidak langsung dengan terbinanya MRSM di kawasan-kawasan pedalaman akan menjadikan kawasan tersebut membangun dalam segala aspek. MARA memberi keutamaan kepada pelajar luar bandar, miskin tegar dan miskin bandar dengan memberi pelbagai jenis bantuan seperti kewangan dan peralatan persekolahan bergantung kepada tahap status ekonomi sosial (SES) dengan harapan, pada masa hadapan pelajar ini menjadi agen perubahan khususnya kepada masyarakat luar bandar. Oleh itu, peluang seperti ini perlulah direbut oleh anak-anak pelajar supaya tidak ketinggalan jauh dalam arus dunia tanpa sempadan. Sesungguhnya, ini merupakan cabaran besar dan menuntut komitmen tinggi daripada warga pendidik untuk mengembangkan fikrah yang kadang kala mencabar kewibawaan mereka. Bukan itu sahaja, bahkan selain daripada memastikan pelajar mencapai kejayaan cemerlang dalam setiap peperiksaan, guru juga berperanan bagi membentuk pelajar agar mempunyai sahsiah diri yang tinggi dan keterampilan terpuji.

Ampun Tuanku,

8. Hakikat yang tidak boleh dinafikan lagi apabila ramai antara ikon-ikon yang hebat dan berjaya di Malaysia merupakan bekas pelajar MRSM. Kita semua pasti kenal dengan nama Dr Syed Sheikh Muzaffar Shukor, angkasawan pertama Malaysia yang berjaya menawan angkasaraya. Begitu juga dengan beberapa nama-nama besar dalam bidang keusahawanan antaranya Datuk Kamaruddin Meranun CEO Air Asia, seorang tokoh korporat bumiputera yang begitu berjaya di peringkat antarabangsa. Nama-nama besar ini pastinya menjadi sumber inspirasi kepada kita semua terutamanya anak-anak pelajar untuk membina nama dalam bidang yang mereka minati suatu hari nanti.

Ampun Tuanku,

9. Patik beserta pacal hamba warga MARA menjunjung kasih dan menzahirkan kebanggaan yang tidak terhingga pada hari yang permai ini atas limpah perkenan

TuanKu mencemar duli menyempurnakan majlis perasmian MRSM Kuala Kangsar. Sesungguhnya keprihatinan Duli-Duli TuanKu sentiasa dijulung tinggi dengan penuh kebesaran, kemuliaan dan kehormatan di bawah singgahsana payung ummah pembela rakyat.

10. Patik mewakili ahli jawatankuasa induk majlis perasmian memohon limpah perkenan Duli-Duli TuanKu untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan Jabatan-jabatan Negeri dan Persekutuan, badan-badan berkanun dan semua pihak yang telah memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk sehingga menjayakan majlis perasmian MRSM Kuala Kangsar pada hari ini. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah s.w.t agar segala usaha yang kita lakukan ini mendapat kerahmatan dan barakah sepanjang masa, mendatangkan manfaat kepada semua pihak di dunia dan di akhirat. Mudah-mudahan kita dikurniakan kekuatan untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Ampun TuanKu,

11. Demikianlah berakhirnya sembah ucapan patik. Patik serta ahli jawatankuasa sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih diatas limpah perkenan Duli-Duli TuanKu sudi mencemar Duli berangkat ke majlis ini. Patik serta ahli jawatankuasa, memohon ampun sekiranya terdapat kekurangan dan kecacatan pada majlis ini. Sesungguhnya, yang baik dan sempurna itu, datangnya dari Allah s.w.t. dan segala kekurangan itu datang dari kelemahan kami sendiri.

Patik juga berdoa kehadrat Allah s.w.t. semoga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri TuanKu dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri, putera dan puteri serta seluruh usrah diraja sekalian sentiasa dalam pemeliharaan Allah s.w.t, dengan bertambah-tambah daulat, kemuliaan dan kebesaran serta barang dilanjutkan usia zaman pemerintahan Duli TuanKu, di atas takhta kerajaan, memerintah dengan adil dan saksama sebagai pelindung keamanan dan kesejahteraan rakyat sekalian.

12. Patik juga merakamkan terima kasih kepada pihak MUAFKAT yang sentiasa bergerak seiring dengan aspirasi maktab ini. Kepada Jawatankuasa Pengelola Majlis Perasmian MRSM Kuala Kangsar 2017, tahniah juga kerana kerana dapat mengelolakan majlis ini dengan sempurna. Semoga penganjuran majlis ini akan menjadi pencetus semangat kepada para pelajar untuk lebih berjaya dan menjadikan MRSM Kuala Kangsar terus unggul sebagai pemacu kecemerlangan pendidikan di negeri Perak . dipohon juga semoga majlis yang gilang-gemilang lagi bersejarah pada pagi ini menjadi ingatan manis serta pencetus kepada kemajuan di negeri yang bertuah ini.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun.

Patik menjunjung kasih Tuanku

Wabillahi taufik walhhidayah, wassalamualaikum warahhmatullahi wabarakatuh.